

Pengetahuan Ugama Islam. (Perkara Wajib Haji)

Jawab semua soalan dibawah ini:

Perkara wajib haji ada 6 perkara, sila susun mengikut susunan yang betul.

Melontar Jamrah Aqabah	Meninggalkan perkara yang diharamkan	Berniat ihram haji diMiqat
Bermalam di Muzdalifah	Melontar ketiga-tiga Jamrah	Bermalam di Mina

1	
2	
3	
4	
5	
6	

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

terbit fajar	tujuh	Zamani	melontar jamrah Aqabah
Tempat	permulaan	1 Syawal	masa
10 Zulhijjah	Makani	bila-bila masa.	sempadan

Miqat ialah _____ atau _____. Miqat ada dua iaitu Miqat _____ dan Miqat _____.

Miqat zamani iaitu sempadan _____.

Miqat makani iaitu sempadan _____.

Miqat zamani bagi amalan haji ialah mulai _____ hingga sebelum _____ 10 Zulhijjah. Manakala miqat zamani bagi orang yang hendak mengerjakan umrah ialah pada _____.

Perkara wajib haji ke tiga ialah _____ dengan _____ biji anak batu. Waktu melontar ialah pada hari Nahar _____ bermula pada pertengahan malam.

Tsani	Wusta	Mina	melontar ketiga-tiga jamrah
tiap-tiap satu jamrah	Ula	Aqabah	Tasyriq

Perkara wajib haji ke empat ialah bermalam di Mina pada hari-hari _____ iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijjah.

Nafar ialah meninggalkan _____ dengan niat tidak akan Kembali lagi ke Mina.

Nafar ada dua bahagian iaitu nafar awal dan nafar _____.

Perkara wajib haji ke lima ialah _____ pada hari-hari Tasyriq iaitu pada 11, 12 dan 13 Zulhijjah.

Antara syarat-syarat melontar jamrah ialah, hendaklah dengan tertib dimulai melontar Jamrah _____, kemudian Jamrah _____ dan terakhir Jamrah _____.

Hendaklah dengan tujuh kali lontaran pada _____.

Isi diruangan kosong dengan jawapan yang sesuai.

Menutup kepala bagi lelaki	Mandi & menukar pakaian ihram	
Memotong kuku	Berbekam	Membunuh lalat,semut,kutu
Membunuh Binatang bahaya	Memakai pakaian berjahit bagi lelaki	Memakai celak mata

Perkara yang dilarang semasa Ihram	Perkara yang diharuskan (boleh) dilakukan semasa ihram.

Jelaskan perbezaan antara Tahallul dan Nafar.

Meninggalkan Mina dengan niat tidak akan Kembali lagi ke Mina.		Halal bagi orang yang mengerjakan haji/umrah melakukan perkara yang diharamkan semasa ihram.	
Melakukan perkara mendorong melakukan persetubuhan	Keluar sebelum maghrib 13 Zulhijjah	Thawaf Ifadhah & Sa'ie	Akad nikah
Keluar selepas tergelincir matahari pada 12 Zulhijjah	Bercukur/Bergunting	Bersetubuh (Jima')	Bermalam diMina selama 2 malam
Melontar Jamrah Aqabah pada 10 Zulhijjah			

Tahallul ialah ?	Nafar ialah ?
Tahallul awal ialah melakukan 2 dari 3 perkara dibawah, iaitu :	Antara syarat Nafar awal ialah :
Setelah tahallul awal, Jemaah boleh melakukan perkara-perkara yang dilarang semasa ihram kecuali 3 perkara iaitu:	

45 markah